

LAMPIRAN B

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERGIGIAN

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI	: UG41, UG44, UG48, UG52, UG54, Pakar UG56
TARIKH KUAT KUASA	: 1 JANUARI 2017

SYARAT LANTIKAN	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan(c) ijazah dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred UG41: RM2,844.00).</p>
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	<p>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<p>3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred UG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.</p>
TEMPOH PERCUBAAN	<p>4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</p>
LATIHAN	<p>5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p>
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	<p>6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p>
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	<p>7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) memenuhi tempoh percubaan;(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	<p>8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.</p>
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	<p>9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.</p>

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UG44**

10. Pegawai Pergigian Gred UG41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UG48**

11. Pegawai Pergigian Gred UG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UG52**

12. Pegawai Pergigian Gred UG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UG54**

13. Pegawai Pergigian Gred UG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred UG54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED PAKAR UG56**

14. Pegawai Pergigian Gred UG54 yang diwartakan pakar sahaja adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

15. (a) Pegawai Pergigian Gred UG54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi tanpa melalui Gred Pakar UG56; atau
- (b) Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).